



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERUBAHAN PENGARUH KASTA DAN AGAMA
DALAM KOMUNITI CHETTIAR DI
SEMENANJUNG MALAYSIA
1957-2010**

NAGESWARY A/P SATHIVHEIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
iv

ABSTRAK

Objektif kajian ini bertujuan untuk membincangkan sejarah dan latar belakang komuniti Chettiar di Semenanjung Malaysia dari tahun 1957 sehingga 2010 yang merangkumi aspek kedatangan, pertapakan, kegiatan ekonomi, hubungan Chettiar serta kasta dan agama. Selain itu, kajian ini juga membincangkan perubahan pengaruh kasta khususnya dalam adab makan, perkahwinan dan hubungan Chettiar dengan masyarakat dalam dan luar komuniti mereka. Di samping itu, kajian ini juga menganalisis perubahan pengaruh kasta dan agama dalam komuniti Chettiar dengan memfokuskan kepada aspek pengurusan kuil, perayaan keagamaan dan hubungan Chettiar di negara ini dengan kuil di India. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan dominasi pengaruh kasta dalam komuniti Chettiar mulai mengalami perubahan bermula daripada tahun 1980-an. Sementara itu, penglibatan Chettiar dalam institusi keagamaan di Semenanjung Malaysia didapati masih mempunyai ciri yang sama sepanjang tempoh kajian. Begitu juga dengan perubahan dalam hubungan Chettiar di negara ini dengan kuil di India didapati hanya bermula sekitar tahun 1980-an. Dapatan kajian ini juga mengenal pasti beberapa faktor yang menyumbang kepada perubahan pengaruh kasta dan agama dalam komuniti Chettiar, iaitu faktor ekonomi, petempatan dan tahap pendidikan. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi pendedahan kepada masyarakat di negara ini dalam memahami pensejarahan Malaysia khususnya dari perspektif sejarah sosial dan sejarah Malaysia amnya.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

CHANGES OF CASTE AND RELIGION INFLUENCE IN PENINSULAR MALAYSIA CHETTIAR COMMUNITY, 1957-2010

ABSTRACT

The objective of this study is to discuss the history and background of Chettiar community in Peninsular Malaysia from 1957 to 2010 including the historical aspects of their arrival, settlement, economic activities and the Chettiar's relations with caste and religion. Other than those aspects, the study also discusses the change on the influence of caste especially in eating etiquette, marriage and Chettiar's relations in and out of their society. Similarly, this study analyses the change in the influence of caste and religion in the Chettiar's community by focusing on the management of temple, religious celebrations and the Chettiar's relations with the temples in India. The study uses qualitative methods in analysing documents, observations and interviews. The result of the study shows that the domination of caste in Chettiar's community accept the changes beginning from 1980s. On the other hand, the Chettiar's involvement in religious institutions in Peninsular Malaysia still remains the same during the course of this study. Subsequently, the changes in Chettiar's relations with the temples in India began around 1980s. The study concludes that many factors are involved in the change in the influence of caste and religion Chettiar's community and that includes economic, settlement and the standard of education. Overall, this study contributes meaningfully to the communities in this country in the context of understanding the history of Malaysia especially in the perspective of social history and the history of Malaysia as a whole.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI PETA	xii
SENARAI JADUAL	xiii



SENARAI LAMPIRAN	xv
-------------------------	----

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Skop Kajian	3
1.3	Tujuan Kajian	5
1.4	Permasalahan Kajian	5
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Ulasan Kajian Lepas	9
1.8	Metodologi	13





1.9	Pembahagian Bab	15
1.10	Kesimpulan	18

BAB 2 LATAR BELAKANG KOMUNITI CHETTIAR

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Sejarah Komuniti Chettiar Di India	20
2.2.1	Asal-Usul Dan Petempatan Chettiar	20
2.2.2	Istilah Chettiar	24
2.2.3	Latar Belakang Chettiar	26
2.2.4	Latar Belakang Kuil Chettiar	29
2.3	Kedatangan Chettiar Ke Tanah Melayu	33
2.4	Komuniti Chettiar Di Tanah Melayu	37
2.5	Pertapanan Chettiar Di Tanah Melayu	39
2.6	Kegiatan Ekonomi Di Tanah Melayu	41
2.7	Hubungan Chettiar Dengan Penduduk Tanah Melayu	53
2.8	Kasta	58
2.8.1	Definisi Kasta	58
2.8.2	Ciri-Ciri Sistem Kasta	65
2.8.3	Susun Lapis Dalam Sistem Kasta	65
2.8.4	Konsep Pollution Dalam Kasta	74
2.9	Agama Hindu	78
2.9.1	Mazhab Agama Hindu	83
2.8	Kesimpulan	88



**BAB 3****PERUBAHAN PENGARUH KASTA DALAM
KOMUNITI CHETTIAR**

3.1	Pendahuluan	89
3.2	Kasta Di Malaysia	91
3.2.1	Sejarah dan Latar Belakang Kasta	91
3.2.2	Kumpulan Kasta Di Malaysia	94
3.2.3	Sejarah Penubuhan Persatuan Kasta	97
3.3	Sejarah dan Latar Belakang Kasta Chettiar Di Semenanjung Malaysia	100
3.3.1	Kumpulan Vaniva Chettiar	102
3.3.2	Kumpulan Bottal Kadai Chettiar	103
3.3.3	Perbezaan Umum Antara Tiga Kumpulan Kasta Chettiar Di Semanjung Malaysia	104
3.4	Pengaruh Kasta Dalam Kehidupan Chettiar	107
3.5	Pengaruh Kasta Dalam Adab Makan Chettiar	107
3.5.1	Latar Belakang Adab Makan Masyarakat India	108
3.5.2	Makanan Yang Diambil	109
3.5.3	Amalan Berkongsi Makanan	111
3.5.4	Dapur dan Peralatan Memasak	113
3.6	Pengaruh Kasta Dalam Perkahwinan Chettiar	116
3.6.1	Sejarah dan Latar Belakang Perkahwinan Masyarakat India	117
3.6.2	Pemilihan Calon Perkahwinan Chettiar	121
3.6.3	Adat Perkahwinan Chettiar	126





3.7	Pengaruh Kasta Dalam Hubungan Chettiar Dengan Masyarakat di Dalam Dan Luar Komunitinya	131
3.7.1	Sejarah Penubuhan Persatuan Thanavaisya Malaysia	133
3.7.2	Aktiviti Persatuan	135
3.7.2.1	Perhimpunan Agung	135
3.7.2.2	Aktiviti Kebudayaan	137
3.7.2.3	Aktiviti Keagamaan	138
3.7.2.4	Lawatan	140
3.7.2.5	Aktiviti Sosial	140
3.7.3	Analisis Hubungan Chettiar Dengan Masyarakat di Dalam dan Luar Komunitinya	143
3.8	Kesimpulan	146

**BAB 4****PERUBAHAN PENGARUH AGAMA DALAM
KOMUNITI CHETTIAR**

4.1	Pendahuluan	148
4.2	Sejarah dan Latar Belakang Principal Deity Chettiar	149
4.3	Sejarah Pembinaan Kuil Chettiar	156
4.4	Latar Belakang Kuil Chettiar	158
4.4.1	Kawasan Utara Semenanjung Malaysia	159
4.4.2	Kawasan Tengah Semenanjung Malaysia	165
4.4.3	Kawasan Selatan Semenanjung Malaysia	166
4.5	Pengaruh Agama Secara Umum	167
4.6	Pengaruh Agama Dalam Kehidupan Chettiar	173





4.7	Penglibatan Chettiar Dalam Pengurusan Kuil	175
4.7.1	Jawatankuasa	175
4.7.2	Kewangan	177
4.7.3	Perayaan Keagamaan	180
4.7.4	Analisis Penglibatan Chettiar Dalam Pengurusan Kuil	183
4.8	Penglibatan Chettiar Dalam Perayaan Keagamaan	186
4.8.1	Sejarah dan Latar Belakang Perayaan Keagamaan Chettiar	186
4.8.2	Perayaan Keagamaan Chettiar	188
4.8.2.1	Thai Poosam	190
4.8.2.2	Panguni Uthiram	192
4.8.2.3	Chitra Pournami	193
4.8.2.4	Aadi Vel	194
4.8.3	Analisis Penglibatan Chettiar Dalam Sambutan Perayaan Keagamaan	195
4.9	Hubungan Chettiar dengan Kuil Di India	199
4.9.1	Sistem Pulli	200
4.9.2	Perkahwinan	202
4.9.3	Perayaan Keagamaan	203
4.10	Kesimpulan	204





BAB 5 FAKTOR MEMPENGARUHI PERUBAHAN PENGARUH KASTA DAN AGAMA DALAM KOMUNITI CHETTIAR

5.1	Pendahuluan	206
5.2	Latar Belakang Faktor	207
	5.2.1 Latar Belakang Faktor Ekonomi	208
	5.2.1.1 Kegiatan Ekonomi Tradisional	208
	5.2.1.2 Kegiatan Ekonomi Baru	222
	5.2.1.3 Penglibatan Dalam Pekerjaan Profesional	226
	5.2.2 Taburan Petempatan	228
	5.2.3 Latar Belakang Tahap Pendidikan	230
5.3	Analisis Faktor Mempengaruhi Kadar Perubahan Pengaruh Kasta dan Agama	232
	5.3.1 Kadar Perubahan Pengaruh Kasta	234
	5.3.2 Kadar Perubahan Pengaruh Agama	240
5.4	Kesimpulan	244



BAB 6 KESIMPULAN

RUJUKAN

LAMPIRAN





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

SENARAI PETA

No. Peta	Muka Surat
1.1 Lokasi Kajian	4
2.1 Kedudukan Chettinad	23
2.2 Petempatan Masyarakat Nattukottai Chettiar Di Chettinad, India Selatan	24



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Kuil Chettiar Di India	31
2.2 Pemilikan Tanah Dan Perniagaan Chettiar Di Asia Tenggara Tahun 1929-1930.	46
2.3 Tanah Yang Dimiliki Oleh Orang India (Chettiar) Melalui Cagaran (ekar), Tahun 1919-1938.	47
3.2 Senarai Persatuan Kasta Di Malaysia	98
3.3 Kumpulan Kasta Chettiar Di India	101
3.4 Peringkat Perkahwinan Chettiar	129
4.1 Kalender Tamil	189
5.1 Jadual Senarai Kitenggi Di Kawasan Utara Semenanjung Malaysia	211
5.2 Jadual Senarai Kitenggi Di Kawasan Tengah Semenanjung Malaysia	213
5.3 Jadual Senarai Kitenggi Di Kawasan Selatan Semenanjung Malaysia	214



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI SINGKATAN

AIMST	Asian Institute of Medicine, Science and Technology
AMCJA-PUTERA	All Malayan Council for Joint Action-Pusat Tenaga Rakyat
A.P	Application
ARCASIA	Architects Regional Council Asia
BIM	Balai Ikhtisas Malaysia
BIPC	Building Industry Presidents Council
Dr	Doktor
En	Encik
IJN	Institut Jantung Negara
MBRAS	Malaysian Branch Royal Asiatic Society
MIC	Malayan Indian Congress
N.S	Negeri Sembilan
PAM	Pertubuhan Arkitek Malaysia
PCM	Darjah Paduka Cura Si Manja Kini
PTB	Pentadbiran Tentera British
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SSF	Selangor Secretariat File



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Jadual 3.1 Senarai Kasta Yang Dapat Dikenal Pasti Di Malaysia
- B Foto 2.1 Sembilan Kovil Nagarathar Di Chettinad, India Selatan
- C Foto 3.1 Persatuan Thanavaisya Malaysia
- D Foto 4.1 Kuil Arulmigu Dhandayuthapani Pulau Pinang
- E Foto 4.2 Kuil Arulmigu Dhandayuthapani Kuala Lumpur
- F Foto 4.3 Kuil Arulmigu Dhandayuthapani Taiping
- G Foto 4.4 Kuil Sri Balathandayuthapani Seremban
- H Foto 4.5 Kuil Sri Balathandayuthapani Tanjung Malim
- I Foto 4.6 Perayaan Chetty Poosam Di Kuil Arulmigu Dhandayuthapani Pulau Pinang
- J Foto 4.7 Perayaan Panguni Uthiram Di Kuil Arulmigu Dhandayuthapani Kuala Lumpur
- K Foto 5.1 Premis Pinjaman Wang Di Medan Kota Taiping, Perak
- L Foto 5.2 Dokumen Pendaftaran Kewarganegaraan
- M Contoh Soalan Temu Bual



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
XV



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Salah satu kelompok minoriti berasal dari India yang telah memainkan peranan dalam sosioekonomi sebelum era kemerdekaan di Semenanjung Malaysia ialah golongan Chettiar. Golongan ini telah berada di Tanah Melayu sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi, namun kedatangan mereka sebenarnya lebih terserlah pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Tidak dinafikan bahawa kehadiran golongan Chettiar pada fasa kedua merupakan kesan langsung daripada dasar kolonialisme British di Tanah Melayu. Pada peringkat awal didapati tumpuan utama petempatan golongan Chettiar adalah di Negeri-Negeri Selat. Pulau Pinang menjadi lokasi penting kemasukan golongan Chettiar di Tanah Melayu sebelum mereka mula tersebar ke beberapa kawasan lain.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Komuniti Chettiar merupakan kelompok yang amat berpengaruh dalam masyarakat India khususnya di Semenanjung Malaysia. Ini kerana status ekonomi dan kedudukan mereka dalam sistem kasta membolehkan mereka memanfaatkan segala ruang dan peluang dalam kegiatan ekonomi di Tanah Melayu. Chettiar tergolong dalam kasta Vaisya iaitu kumpulan ketiga dalam hirarki kasta masyarakat India. Sistem kasta ini memainkan peranan penting dalam menjamin kedudukan sosial masyarakat Chettiar sebagai kasta tinggi dalam kalangan masyarakat India. Lazimnya, golongan Vaisya terlibat dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Antara aktiviti ekonomi yang sangat sinonim dengan identiti mereka ialah penglibatan dalam aktiviti pinjaman wang. Justeru itu, tidak menjadi sesuatu yang mustahil apabila Chettiar berjaya membina imej sebagai golongan peminjam wang yang penting di Semenanjung Malaysia.



Komuniti Chettiar merupakan golongan yang alim dan mementingkan hal-hal keagamaan. Hal ini jelas kelihatan melalui penglibatan mereka dalam pembinaan kuil di Semenanjung Malaysia. Lazimnya apabila sampai ke sesuatu yang tempat, tugas penting Chettiar adalah untuk membina kuil di sana. Kedudukan ekonomi yang kukuh membolehkan Chettiar melaksanakan hasratnya tanpa sebarang halangan. Bukan sahaja dalam pengurusan kuil, Chettiar turut aktif dalam hal-hal melibatkan perayaan keagamaan Hindu di Malaysia.

Penulisan dan penyelidikan mengenai kaum minoriti di Malaysia terhad dan

kurang mendapat perhatian sejarawan tanah air. Misalnya dalam penulisan mengenai masyarakat India di Semenanjung Malaysia. Masyarakat India merupakan satu kelompok yang unik kerana merangkumi banyak komuniti kecil ekoran daripada





kewujudan kasta. Komuniti Chettiar merupakan kelompok berpengaruh dalam masyarakat India di Semenanjung Malaysia sebelum era kemerdekaan lagi kerana status ekonomi dan kedudukan mereka dalam sistem kasta. Namun penulisan mengenai kelompok ini masih kurang, khususnya sehingga kini tidak ada tulisan mengenai kelompok ini dalam aspek sosial. Hal ini kerana, penulisan lebih ditumpukan kepada aktiviti pinjaman wang dan peranan Chettiar dalam aktiviti ekonomi Tanah Melayu.

Justeru, Kajian Perubahan Pengaruh Kasta Dan Agama Dalam Komuniti Chettiar, 1957-2010 amat penting untuk dikaji bagi melihat siapakah sebenarnya golongan Chettiar dan perubahan pengaruh kasta dan agama dalam komuniti ini pada tempoh tahun 1957 hingga 2010.



1.2 Skop Kajian


Kajian berfokus kepada pengaruh kasta dan agama komuniti Chettiar di Semenanjung Malaysia dengan mengambil kira tempoh masa selama lima puluh tiga tahun iaitu bermula dari tahun 1957 hingga 2010. Penyelidik memilih tempoh masa ini memandangkan kajian mengenai komuniti Chettiar belum pernah lagi dilakukan selepas era kemerdekaan. Maka penyelidik ingin memberikan pandangan baru kepada kajian mengenai komuniti Chettiar di Semenanjung Malaysia. Penyelidikan akan difokuskan sehingga tahun 2010 untuk melihat perkembangan sejarah sosial komuniti Chettiar sehingga ke tahap paling kontempori. Selain itu, dalam kajian ini penyelidik





banyak menggunakan temu bual dan kajian paling sesuai dihentikan pada tahun 2010 bagi membolehkan sumber temu bual digunakan secara ekstensif.

Lokasi penyelidikan merangkumi kawasan sekitar petempatan komuniti Chettiar di Semenanjung Malaysia iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor Bahru. Kepentingan kawasan yang dipilih ini berkait rapat dengan peranan Chettiar yang terserlah di negeri-negeri ini, berbanding dengan negeri-negeri lain. Malah, kawasan-kawasan ini merupakan tumpuan dan petempatan masyarakat Chettiar sebelum era kemerdekaan lagi



Peta 1.1. Lokasi Kajian





1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis maklumat-maklumat serta dokumen-dokumen penting dari sumber sejarah untuk meneliti sejarah komuniti Chettiar di Semenanjung Malaysia dalam aspek sosial. Kajian ini ingin melihat bagaimana dua aspek yang signifikan kepada masyarakat India iaitu kasta dan agama mempengaruhi kehidupan seharian Chettiar. Malahan itu, kajian ini ingin menggambarkan sejarah kehadiran Chettiar dan penglibatan mereka dalam ekonomi Tanah Melayu. Di samping itu, kajian ini bertujuan memperkayakan sumber ilmiah tentang sejarah Chettiar di Semenanjung Malaysia yang dapat membantu kajian para penyelidik pada masa akan datang.



1.4 Permasalahan Kajian

Kasta dan agama mendasari amalan dan kepercayaan kaum Chettiar. Sistem kasta merupakan satu aspek yang amat berpengaruh dan signifikan dengan kehidupan masyarakat India yang beragama Hindu. Pada dasarnya, sistem kasta ini ialah suatu bentuk pembahagian kerja. Setiap kasta saling sokong-men yokong untuk kebaikan seluruh masyarakat. Sistem kasta yang diamalkan di Malaysia tidak seperti di India kerana Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama yang menyebabkan konsep kasta kian longgar. Namun sesetengah amalan dalam sistem kasta ini masih dipraktikkan sehingga ke hari ini, terutamanya dalam kalangan Chettiar. Nilai kasta masih diberikan perhatian yang sewajarnya oleh Chettiar bagi mengekalkan identiti mereka sebagai kasta tinggi.





Komuniti Chettiar antara golongan yang patuh kepada agama Hindu selain mementingkan nilai kasta. Sebagai penganut mazhab Saivism, menjalankan tanggungjawab dan ibadah terhadap Tuhan menjadi menjadi tuntutan utama dalam kehidupan Chettiar. Ekoran daripada itu, kelihatan Chettiar aktif dalam urusan keagamaan terutamanya dalam aspek pembinaan kuil dan sambutan perayaan keagamaan. Malah, sebilangan daripada kuil-kuil yang berpengaruh di Semenanjung Malaysia merupakan milik komuniti Chettiar ini.

Secara umumnya, masyarakat hanya mengenali komuniti Chettiar sebagai pemberi pinjaman wang dan kurang pendedahan mengenai aspek sosiobudaya mereka. Hal ini kerana, aspek kasta dan agama yang signifikan dengan komuniti Chettiar sering kali ditinggalkan dan tidak dibincangkan oleh sejarawan berbanding aspek



ekonomi dan peranan Chettiar sebagai peminjam wang. Dalam merungkaikan isu ini, permasalahan kajian yang paling utama dalam penulisan ini ialah melihat sejauh manakah kasta mempengaruhi kehidupan Chettiar dalam tempoh masa kajian. Selain itu, agama turut dikaji bagi melihat pengaruhnya dalam komuniti Chettiar. Perubahan pengaruh kedua-dua aspek tersebut turut menjadi prioriti dalam tesis ini. Akhirnya, faktor yang mempengaruhi perubahan turut diperkatakan. Walaupun pelbagai kajian telah dijalankan mengenai komuniti Chettiar, namun tesis ini cuba merungkai dua persoalan penting yakni kasta dan agama.





1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian Perubahan Pengaruh Kasta Dan Agama Dalam Komuniti Chettiar Di Semenanjung Malaysia, 1957-2010 adalah untuk menilai sejauh mana kasta dan agama mempengaruhi kehidupan Chettiar, dalam tahun 1957-2010. Secara lebih khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menerangkan sejarah dan latar belakang komuniti Chettiar di Semenanjung Malaysia.
2. Membincangkan perubahan pengaruh kasta dalam perkahwinan Chettiar dan hubungan mereka dengan ahli komunitinya dan masyarakat luar.
3. Menganalisis perubahan penglibatan Chettiar dalam pengurusan kuil dan perayaan keagamaan.



dan agama dalam kehidupan Chettiar.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian Perubahan Pengaruh Kasta Dan Agama Dalam Komuniti Chettiar Di Semenanjung Malaysia, 1957-2010 secara khususnya melihat pengaruh kasta dan agama dalam kehidupan Chettiar pada tempoh waktu selepas kemerdekaan. Berbeza daripada kajian-kajian lepas yang hanya tertumpu kepada aspek ekonomi komuniti Chettiar sahaja, kajian ini meliputi aspek sosial mereka dalam tempoh selepas kemerdekaan. Kajian dan penulisan tentang perkembangan dan perubahan sosial





komuniti Chettiar kurang diberi perhatian sebelum ini dan keseluruhan tesis ini telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Selain itu dalam penyelidikan sejarah, kajian mengenai masyarakat minoriti kurang mendapat perhatian daripada sejarawan. Ekoran daripada itu, pendedahan dan maklumat mengenai masyarakat minoriti di Malaysia masih kabur. Komuniti Chettiar merupakan kelompok minoriti yang berpengaruh dalam masyarakat India yang telah menyumbang kepada perkembangan agama Hindu di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian mengenai komuniti ini dari aspek sosial dan sumbangannya dalam sudut keagamaan tidak pernah dilakukan sebelum ini yang merupakan satu kehilangan besar bidang sejarah. Natijahnya, kajian ini akan merungkai sejarah sosial kelompok minoriti ini dan menganalisis sumbangannya dalam memperkuuhkan



Tambahan lagi, kajian ini akan menganalisis hubungan kuil Chettiar di Semenanjung Malaysia dengan kuil Chettiar di India yang merupakan satu aspek baru yang tidak pernah disentuh dan dikaji oleh penulis-penulis sebelum ini. Aspek ini wajar diberi perhatian bagi memaparkan bentuk hubungan yang masih wujud dan kesan langsung dan tidak langsung dalam kehidupan komuniti Chettiar ekoran daripada hubungan tersebut.

Dalam kajian-kajian lepas mengenai golongan Chettiar, perbincangan mengenai aspek sosial komuniti ini sering kali dipinggirkan oleh penulis kerana dianggap kurang penting. Justeru, masyarakat kurang pendedahan mengenai kehidupan dan perkembangan sosial komuniti Chettiar yang membawa kepada





pelbagai tafsiran yang berbeza. Oleh yang demikian, kajian ini memberi sumbangan besar kepada pemahaman masyarakat mengenai komuniti Chettiar dan pada masa yang sama memperkayakan sejarah masyarakat India di Malaysia. Malah, penulisan ini juga penting sebagai satu dokumen sejarah dalam menilai sejarah perkembangan komuniti Chettiar di Semenanjung Malaysia bagi rujukan generasi akan datang.

1.7 Ulasan Kajian Lepas

Setiap penyelidikan perlulah bersandarkan kepada kajian lepas bagi mendapatkan gambaran awal serta maklumat asas tentang perkara yang hendak dikaji. Lantaran itu, penyelidik merujuk beberapa buah buku dan jurnal sebagai panduan dalam



Usha Mahajani dalam penulisannya bertajuk "*The Role of Indian minorities in Burma and Malaya*" telah membincangkan mengenai komuniti pedagang dalam kalangan masyarakat India yang tertumpu kepada komuniti Chettiar di Burma dan Tanah Melayu. Secara keseluruhannya, perbincangan dalam buku ini merangkumi mengenai perkembangan aktiviti pinjaman wang Chettiar di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan. Walau bagaimanapun, penulis juga telah memberi sedikit gambaran mengenai latar belakang dan hubungan kekeluargaan komuniti Chettiar sebelum kemerdekaan. Contohnya, Chettiar hidup bersama dalam satu keluarga besar dan ketuanya adalah generasi tua keluarga tersebut. Selain itu, dalam perbincangannya, penulis turut menegaskan kedatangan golongan Chettiar ke Tanah Melayu sangat berkait rapat dengan aktiviti perdagangan dan pinjaman wang. Pada awalnya, mereka





merupakan golongan pedagang dan lama-kelamaan peranan mereka lebih terserlah sebagai peminjam wang. Melalui hasil perbincangan dari buku ini, juga dapat disedari kedatangan Chettiar ke Tanah Melayu adalah bersendirian dan tidak membawa keluarga mereka bersama keranakekangan budaya dan kos sara hidup yang tinggi.¹

Paul H. Kratoska dalam perbincangannya di dalam “*The Chettiar and the Yeoman*”, telah menjustifikasikan mengenai hubungan Chettiar dengan penduduk Tanah Melayu dalam tempoh masa sebelum kemerdekaan yang bersifat terbatas, iaitu dalam sudut ekonomi sahaja. Secara umumnya, penulis telah mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu akibat pinjaman wang yang dibuat dengan golongan Chettiar. Masalah utama yang dihadapi oleh mereka ialah tanah yang dijadikan cagaran diambil alih oleh Chettiar, akibat tidak dapat membayar balik



Chettiar dengan masyarakat Melayu yang hanya dalam urusan perniagaan sahaja. Perbincangan dalam buku ini dapat memberikan gambaran mengenai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu akibat pinjaman wang yang dibuat dengan Chettiar.²

Sinnappah Arasaratnam dalam penulisannya bertajuk “*Indians in Malaysia and Singapore*” telah menilai penglibatan Chettiar dalam aktiviti ritual dan keagamaan. Menurutnya, komuniti Chettiar berpegang kuat kepada prinsip agama Hindu yang mengatakan “*Do not settle in land, where there is no temple*”. Maka disebabkan itu, golongan Chettiar aktif membina kuil di tempat mereka bertapak.

¹ Usha Mahajani, *The Role of Indian minorities in Burma and Malaya*, Bombay: Vora & Co. Private Ltd, 1960, 344 hlm.

² Paul H. Kratoska, *The Chettiar and the Yeoman*, Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies, 1975, 35 hlm.





Kebanyakan kuil Chettiar terletak di kawasan Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang kerana petempatan mereka yang lebih tertumpu di kawasan bandar.³

Rajeswary Ampalavanar dalam “*Capital and Entrepreneurship in South-East Asia*”, mengupas mengenai aktiviti pinjaman wang dalam kalangan Chettiar di Asia Tenggara dan membincangkan serba sedikit mengenai hubungan Chettiar dengan masyarakat di luar komunitinya sebelum kemerdekaan. Penulisannya berfokuskan kepada bagaimana Chettiar berjaya memperluaskan aktiviti pinjaman wang di Asia Tenggara kerana keistimewaan dan prosedur pinjaman wang yang lebih mudah berbanding dengan pinjaman di bank. Hal ini membolehkan aktiviti pinjaman wang Chettiar dapat berkembang di Asia Tenggara. Hubungan Chettiar dengan pelanggan turut diberi perhatian oleh Rajeswary dalam penulisannya iaitu hubungan Chettiar



berinteraksi dengan masyarakat luar dan hubungannya dengan komuniti lain terhad dan hanya dalam urusan perniagaan sahaja.⁴

Penulisan Azharudin Mohamed Dali dalam bukunya *Sejarah Masyarakat India di Malaysia* memberi perhatian mengenai latar belakang komuniti Chettiar di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan. Secara keseluruhannya, perbincangan dalam buku ini merangkumi mengenai pertapakan dan aktiviti ekonomi Chettiar di Tanah Melayu. Penulis telah membincangkan pertapakan Chettiar di Tanah Melayu dalam dua fasa iaitu fasa pertama bermula pada abad ke-15 manakala fasa kedua pada era kolonialisme British iaitu pada abad ke-19. Aktiviti ekonomi Chettiar dibincangkan

³ Sinnappah Arasaratnam, *Indians in Malaya and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, 214 hlm.

⁴ Rajeswary Ampalavanar, *Capital and Entrepreneurship in South-East Asia*, London: Macmillan Press Ltd, 1994, 302 hlm.

